

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA  
[ PARIT ]**

**SOALAN**

minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :

- (a) sehingga suku tahun ketiga 2020, berapa jumlah kes penyalahgunaan dadah dikalangan pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Tinggi Swasta (IPTS) yang telah dilaporkan; dan
- (b) apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi membanteras aktiviti penyalahgunaan dadah ini.

**JAWAPAN (a)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman pihak Ahli Yang Berhormat, sehingga November 2020, jumlah kes penyalahgunaan dadah dikalangan pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang dilaporkan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) adalah 245 orang pelajar yang merangkumi 148 pelajar IPTA dan 97 pelajar dari IPTS.

**JAWAPAN (b)**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa peka dan prihatin dengan isu penglibatan mahasiswa dengan penyalahgunaan dadah. Maka, KPT dengan kerjasama Universiti Awam (UA) merencanakan pelbagai usaha berterusan menerusi pelaksanaan

## NO. SOALAN : 297

program dan aktiviti bermatlamat untuk membanteras aktiviti penyalahgunaan dadah ini. Antaranya adalah melalui pelaksanaan program-program berbentuk pencegahan seperti sesi ceramah, kempen kesedaran, penghasilan video, bengkel, sesi perkongsian, sesi kaunseling, persidangan, seminar dan program khidmat masyarakat.

Di peringkat Politeknik dan Kolej Komuniti pula, antara program yang dijalankan adalah:

- i. Mengadakan kerjasama dengan AADK untuk melaksanakan ujian air kencing kepada warga politeknik dan kolej komuniti;
- ii. Mengadakan taklimat bersama pihak PDRM berkenaan dengan jenayah yang melibatkan dadah; dan
- iii. Taklimat disiplin semasa minggu suai kenal

Sekian terima kasih.